

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

JUMAAT, 12 FEBRUARI, 1982

TINDAKAN MENJAMIN KEPENTINGAN NEGARA

TERNYATA tindakan Kerajaan mengurangkan pengeluaran bijih timah negara sebanyak 15,000 tan itu adalah sesuatu yang terpaksa dilakukan kerana tekanan keadaan. Dorongan untuk tindakan itu juga adalah jelas. Sebagaimana yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada waktu mengumumkannya langkah itu tidak diambil untuk mengurangkan penawaran bahan ini di pasaran dunia, dan dengan itu, menaikkan harga timah. Secara langsung matlamat kita ialah untuk memastikan yang kepentingan ekonomi negara terkawal dengan mengurangkan pergantungan kita kepada timah, dan sambil itu, menentukan supaya negara mendapatkan harga timah yang lebih stabil dan saksama di pasaran dunia.

Walaupun setakat ini negara telah berjaya mengurangkan pergantungannya kepada bahan-bahan utama (seperti getah dan bijih timah) namun dari beberapa segi perusahaan

timah masih merupakan suatu sektor penting. Sebagai sumber pendapatan negara, sumber peluang pekerjaan dan sebagai sumber tukaran wang asing kedudukan industri ini masih bukan kecil makna dan nilainya.

Oleh yang demikian sebarang langkah yang melibatkan pengurangan pengeluaran seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan ini tentulah akan melibatkan banyak pihak dan tidak pula mustahil menjejaskan kepentingan setengah dari mereka. Tetapi yang perlu disedari ialah langkah ini tidak kita ambil dengan sewenang-wenang. Mengakui hakikat bahawa negara ialah pengeluar utama bahan ini, menghormati prinsip pasaran bebas dan menghargai hubungan baik antara pengeluar dan pengguna (kebanyakannya negara-negara maju) strategi jangka panjang kita selama ini ialah untuk membentuk suatu mekanisme kerjasama yang baik di antara negara-negara pengeluar dan pengguna supaya dapat sama-sama kita

membentuk suatu struktur harga yang adil dan stabil.

Malangnya segala usaha kita untuk mencapai matlamat ini telah dibantut berbagai cara oleh negara-negara pengguna sendiri, Amerika khususnya. Keengganan sebahagian besar negara-negara ini menjayakan Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam dan langkah yang diambil oleh Amerika Syarikat menjual 30,000 tan simpanan timahnya di pasaran dunia semenjak Disember lalu hanyalah dua bukti yang menunjukkan bahawa pada semangatnya hasrat dan matlamat kita untuk menstabilkan harga tidaklah lagi dihormati oleh negara-negara pengguna. Jadi pilihan yang terbuka kepada kita ialah mengubahsuaikan pengeluaran kita mengikut kehendak keadaan dan mungkin juga masanya sudah tiba untuk kita membentuk sebuah organisasi pengeluar yang berkesan untuk menjaga kepentingan bersama.